

Hutan Simpan Lakum dikhuatiri pupus

RAUB 5 Feb. – Lata Berembun yang terletak kira-kira 24 kilometer dari bandar Raub dianggap sebuah kawasan air terjun yang unik, cantik dan mengasyikkan di negeri Pahang.

Terletak di Hutan Simpan Lakum di luar bandar Raub tidak jauh daripada jalan raya yang menghala ke Kuala Lipis, Lata Berembun pasti memukau sesiapa sahaja yang berkunjung ke kawasan rekreasi tersebut.

Namun, keunikan air terjun Lata Berembun belum pasti kekal. Ia mungkin terhapus ekoran projek membina Empangan Klau bernilai RM3.8 bilion bagi memberi laluan kepada pembinaan terowong air sepanjang 45 kilometer merentasi Banjaran Titiwangsa di Pahang ke Selangor yang dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Projek penyaluran air dan kerja pembinaan fizikal terowong itu dijadualkan bermula pada awal tahun 2008 dan akan mengambil masa selama lima tahun untuk disiapkan.

Apabila siap, empangan itu akan memastikan bekalan air mentah dapat disalurkan secara berterusan ke Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menjelang 2010.

Kerajaan Jepun melalui Japan Bank for International Cooperation (JBIC) telah meluluskan pinjaman mudah bernilai 82 bilion yen (RM2.9 bilion) untuk projek tersebut.

Bagaimanapun, anggaran kos itu dijangka meningkat kepada RM3.751 bilion termasuk kos pengambilan tanah dan penempatan semula komuniti Orang Asli Sungai Temir.

Projek Empangan Klau dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan digerakkan pada 2003 selepas beberapa perjanjian dimeterai antara beberapa pihak.

Perjanjian pinjaman antara Kerajaan Persekutuan dan JBIC pula telah ditandatangani pada 31 Mac 2005.

Status terkini projek berkenaan ialah ia menunggu pelantikan perunding oleh kerajaan untuk mengawal selia pembinaan empangan tersebut.

Sebagai pampasan, kerajaan negeri Pahang akan menerima ekuiti yang besar hasil penjualan air mentah ke negeri Selangor apabila projek Empangan Klau siap sepenuhnya kelak.

Fasa pelaksanaan projek itu juga akan meliputi kerja-kerja pembinaan terowong penyaluran, muka sauk, stesen pam dan paip.

Apa yang pasti, projek itu bakal memberi impak serius dan kemusnahan besar kepada alam sekitar. Ia juga dijangka menjejaskan ekosistem Sungai Klau dan biodiversiti hutan dalam jangka masa panjang.

Pembinaan empangan berkenaan akan membabitkan kerja-kerja pembersihan di kawasan hutan seluas lebih 1,057 hektar, sebahagiannya di Hutan Simpan Lakum.

Kawasan lain ialah Skim Felda Klau yang mempunyai 123 rumah peneroka, Perladangan Felda Krau (Krau 2, 3 & 4) seluas 1,097 hektar, infrastruktur awam dan 35 buah rumah di Tanah Rizab Orang Asli Sungai Temir serta tiga buah masjid dan rumah kedai di Rancangan Tanah Pemuda (RTP).

Selain itu, kira-kira 400 penduduk Orang Asli daripada suku Temuan dan 150 petani masyarakat Melayu yang menetap berhampiran Sungai Temir dan Sungai Klau akan terpaksa berpindah ke kawasan baru.

Keaslian Hutan Simpan Lakum yang kaya dengan flora dan fauna serta pelbagai habitat spesies unggas, ikan, reptilia dan haiwan liar yang hidup di kawasan itu juga terjejas.

Menurut rekod Sahabat Alam Malaysia (SAM), sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang juga persatuan aktivis alam sekitar, Hutan Simpan Lakum menyimpan lebih 88 spesies tumbuh-tumbuhan dengan 16 daripadanya kaya dengan nilai-nilai perubatan herba.

Dikhuatiri projek itu turut menjadi ancaman kepada hidupan liar termasuk lebih 11 spesies haiwan bersaiz besar, 22 spesies haiwan bersaiz kecil serta 147 spesies burung dan 15 spesies reptilia yang hampir kesemuanya dilindungi.

Di situ juga terdapat spesies burung yang menggunakan *Ficus species* sebagai habitat untuk bersarang dan sumber makanan.

Pembersihan hutan akan mengganggu habitat itu dan haiwan-haiwan itu mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan hidupan baru.



SEORANG penduduk Orang Asli, Ya Samad menunjukkan Sungai Klau yang akan terancam jika kerajaan meneruskan pembinaan Empangan Klau bagi membekalkan air ke Lembah Klang.

Commission on Dams (WCD) perlu menggariskan beberapa panduan alam sekitar secara terperinci dan memberi pertimbangan secukupnya kepada alternatif terhadap sebarang keputusan.

Menurut WCD, penilaian terhadap opsyen ini mesti berdasarkan analisis dan kajian komprehensif sepenuhnya keperluan manusia terhadap sumber air.

Namun, difahamkan pembinaan Empangan Klau dijangka belum tentu dapat menjamin air mentah yang disalurkan mencukupi

untuk keperluan negeri Selangor.

Kajian mendapati penggunaan air per kapita bagi negeri Selangor dan Kuala Lumpur adalah yang tertinggi di dunia dan melebihi bandar raya lain di dunia seperti London, Tokyo, Sydney dan Singapura.

Menurut rekod, jumlah keseluruhan bekalan air yang digunakan di Selangor dan Kuala Lumpur melebihi tiga bilion liter sehari pada tahun 2000.

Haiwan liar

Hutan Simpan Lakum yang bersempadan dengan Hutan Simpan Krau sebenarnya menjadi kawasan terbesar tempat tinggal spesies haiwan liar yang berkeliaran secara bebas di kedua-dua kawasan tersebut.

Pembinaan Empangan Klau dijangka menenggelamkan kira-kira 16 peratus kawasan rendah Hutan Simpan Lakum.

Kalau ini terjadi, ia menjadi ancaman serius kepada kehidupan haiwan liar yang dipaksa berpindah ke kawasan lebih kecil yang kekurangan sumber makanan.

Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang dilakukan menunjukkan impak pembinaan Empangan Klau ke atas hidupan liar di Hutan Simpan Lakum di mana habitat yang sedia ada akan terganggu akibat pemindahan ke kawasan baru.

Haiwan-haiwan di kawasan lain pula akan terancam apabila hidupan liar dari kawasan Klau dipindahkan ke kawasan mereka. Langkah mengubah struktur alam akan merubah sama sekali suasana, suhu dan bentuk rupa bumi atau geologi kawasan tersebut. Ini memberi kesan yang teruk kepada alam sekitar dalam jangka masa panjang.

Empangan yang dibina juga akan mengancam 40 spesies ikan Sungai Klau ekoran kesan perubahan suhu, air sungai dicemari bahan-bahan binaan dan kimia serta perubahan biologi dalam kawasan tadahan air.

Masalah yang paling besar ialah pemindahan haluan air Sungai Klau ke arah Sungai Langat di Selangor dikhuatiri akan meningkatkan pengaliran paras air kepada kira-kira 70 peratus.

Perbuatan itu akan mengundang risiko pergerakan tanah di sepanjang tebing sungai yang sekali gus memberi hakisan yang teruk dan mengancam paya bakau serta kawasan pembiakan ikan di sungai berkenaan.

Ia juga dijangka menyebabkan berlaku kejadian banjir 'buatan' di sepanjang kawasan rendah di tebing Sungai Langat di Selangor.

Lebih teruk lagi, proses pelaksanaan projek itu bukan sahaja boleh mencemarkan kualiti air di hiliran empangan dengan sisa kelodak dan lumpur, tetapi turut mengubah sistem anak-anak sungai dan Sungai Klau yang beratus kilometer panjangnya.

Proses pembinaan empangan itu yang mengambil masa yang panjang juga akan dinodai dengan kebingitan jentera jenjolak yang mengeluarkan asap dan pencemaran gas karbon monosid.

Pembersihan kawasan hutan, penerokaan tanah, kerja-kerja pemecahan batu, pengangkutan bahan binaan dan peralatan akan menyumbang kepada pencemaran kualiti udara terutamanya ketika cuaca panas.

Projek Empangan Klau dibina dengan tujuan untuk memenuhi tuntutan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Dijangkakan sekitar 1.5 bilion liter air akan disalurkan setiap hari dari Sungai Klau ke Sungai Langat.

Tujuan membantu negeri Selangor dan Kuala Lumpur dalam menangani masalah bekalan air pada 2010 adalah baik, namun kerajaan negeri Pahang mahupun Kerajaan Persekutuan perlu mencari alternatif lain bagi menyalurkan air mentah tanpa merosak dan menjejaskan alam sekitar dan kawasan hutan yang luas.

Cara terbaik dan praktikal adalah dengan membina dan memasang paip daratan gergasi menghubungkan Sungai Klau dengan Sungai Langat menggunakan kaedah mengepam air. Cara ini boleh meminimumkan kerosakan kepada alam sekitar di kawasan terbabit.

Usaha itu lebih menjimatkan kos, tenaga dan sumber manusia serta kemusnahan besar ke atas hutan. Ini kerana membina empangan besar boleh meninggalkan kesan sampingan kekal bukan sahaja kepada sistem sungai, malah hutan simpan yang lebih luas.

Kajian lebih mendalam dan terperinci mengenai impak dan pelaksanaan projek mega Empangan Klau perlu dilakukan oleh semua pihak seperti JBIC, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Hidupan Liar (WWF), Jabatan Perhutanan, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Geologi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk aktivis alam sekitar dan ahli-ahli akademik dari universiti tempatan.

Selain itu, bagi memastikan penilaian terhadap opsyen dan keperluan pembinaan empangan itu, JBIC menerusi The World